

Tugas pembanci bukan mudah

SINGGAH dari rumah ke rumah di setiap kawasan perumahan untuk mengumpul data mengenai penghuni dan corak kehidupan penduduk bukanlah satu tugas yang mudah.

Jika tidak bernasib baik, bukan sahaja tidak dilayan malah mereka turut dihambur dengan kata-kata kesat selain dihalau kerana dianggap mengganggu.

Bukan itu sahaja, kedudukan pagar yang jauh dari rumah, anjing belaan dan tidak memberi kerjasama yang sewajarnya adalah antara masalah-masalah lain yang sering dihadapi pembanci.

Walaupun demikian, tanggungjawab yang telah diamanahkan perlu dijalankan agar tidak 'lari' daripada tarikh yang telah ditetapkan.

Menurut **Jaliah Ahmad Mahir, 65**, tahun ini merupakan kali ketiga dia terlibat dalam program Banci Penduduk dan Perumahan malah tidak menafikan masalah pasti ada.

"Tipu sekiranya saya menyatakan bahawa tidak menghadapi sebarang masalah ketika membuat bancian.

"Pelbagai masalah telah saya hadapi selama tiga kali terlibat dengan program bancian ini seperti dihalau, dihamburkan dengan kata-kata kesat dan tidak kurang juga ada yang menyatakan bahawa saya mengganggu ketenteraman penghuni ketika mereka hendak berehat.

"Bagaimanapun saya tidak pernah serik dan masalah tersebut bukan satu penghalang. Malah ia menguatkan lagi semangat saya untuk meneruskan kerja ini," katanya ketika ditemui selepas membuat bancian di sekitar kawasan Air Panas, Parlimen Setia Wangsa, baru-baru ini.

Bercerita lanjut mengenai penglibatannya menjadi pegawai banci, katanya, dia memohon menjalankan tugas bagi menjayakan program Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia ketika masih bergelar seorang guru.

Dia dilantik sebagai pegawai banci untuk kali pertama tetapi setelah mempunyai pengalaman, permohonannya bagi kali kedua, dia telah dilantik sebagai penyelia banci.

Dalam pada itu, pegawai banci, **Leli Ibrahim, 56**, yang merupakan seorang suri rumah memberitahu, bahawa

setiap hari beliau terpaksa melayan kerenah responden yang bermacam.

Sekiranya mereka enggan memberi kerjasama yang sewajarnya, kadang kala Leli terpaksa menggunakan cara 'kasar' dengan mendapatkan kerjasama polis bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

"Sebenarnya menjadi seorang pembanci berhadapan dengan banyak risiko di mana ada responden yang boleh menerima kehadiran kita dan ada juga yang tidak.

"Bagaimanapun saya tidak menyalahkan mereka kerana senario hari ini banyak kes-kes jenayah yang berlaku menjadikan mereka lebih berhati-hati untuk menerima tetamu," jelas beliau.

Sementara itu, bagi seorang lagi pegawai banci, **Norfaezah Md. Tahir, 40**, pula memberitahu bahawa tidak semua rumah yang dikunjungi enggan memberikan kerjasama malah ada yang memberi layanan cukup mesra.

"Ada kalanya beberapa rumah yang disinggahi hanya terdapat anak-anak kecil di rumah kerana ibu bapa keluar bekerja.

"Jadi saya akan tinggalkan surat temu janji untuk datang semula. Sekiranya mereka ada kelapangan pada waktu malam saya akan datang pada sebelah malam dan jika tidak saya akan datang kemudian hari," ujarnya.

Namun, dia gembira kerana setiap keluarga yang ditemui memberikan kerjasama bagi menjawab berpuluh-puluh soalan yang dikemukakan termasuk tahap pendidikan, pendapatan, pekerjaan, pemilikan rumah dan status perkahwinan.

Senario ketiga-tiga individu ini merupakan antara 30,000 yang dilantik sebagai pegawai banci dan penyelia di seluruh negara bagi menjalankan tugas yang akan berakhir pada 22 Ogos ini.

Banci yang dijalankan setiap 10 tahun sekali itu mengumpul pelbagai data mengenai rakyat bagi menggerakkan perancangan memenuhi wawasan negara. Orang ramai dinasihatkan memberikan kerjasama yang sewajarnya agar segala data dapat dikumpul untuk kemudahan bersama.



LELI Ibrahim bersama seorang responden ketika proses bancian, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.